

PM jumpa Zuraida minggu depan

m/6:8

BH 17/6/2022

Kedudukan YB Ampang dalam Kabinet diumumkan selepas pertemuan berlangsung

Oleh Rohaniza Idris dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertemuan bersama Datuk Zuraida Kamaruddin bagi membincangkan kedudukannya sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan diadakan minggu depan, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Namun, Perdana Menteri berkata, Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang itu masih menerajui kementerian berkenaan dan menjalankan tugas seperti biasa, setakat ini.

Beliau berkata, sebarang keputusan sama ada Zuraida kekal atau sebaliknya hanya akan diumumkan selepas pertemuan berlangsung.

Perdana Menteri juga mengakui sudah memaklumkan perkembangan itu kepada Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin, jika berlaku sebarang perubahan dalam struktur Kabinet selepas pertemuan dengan Zuraida diadakan.

“Setakat ini dia (Zuraida) masih lagi menjalankan tugas sebagai menteri. Semalam (kelmarin) pun dia hadir dalam Mesyuarat Kabinet.

“Sebarang keputusan tunggu sehingga saya bertemu dengan beliau minggu depan,” katanya pada sidang media Majlis Pelancaran MRT Laluan Putrajaya Fasa Satu di sini, semalam.

Zuraida sebelum ini dilapor mengumumkan keluar daripada BERSATU dan menyertai Parti Bangsa Malaysia (PBM).

Rentetan itu, wujud desas-de-

sus politik mendakwa BERSATU mendesak kerusi menteri itu terus kekal diberikan kepada parti berkenaan.

Ini memandangkan Zuraida dilantik menjawat jawatan berkenaan kerana menyertai PPBM selepas keluar daripada PKR bersama beberapa pemimpin lain parti itu.

Sementara itu, Timbalan Presiden PBM, Haniza Mohamed Talha, berkata keputusan berhubung lantikan dan pengguguran mana-mana ahli Kabinet adalah kuasa prerogatif Perdana Menteri dan ia perlu dihormati.

Berikutan itu, katanya, tidak perlu mana-mana parti politik menuntut dan memberi tekanan kepada Perdana Menteri berhubung jawatan itu.

“Itu hak prerogatif Perdana Menteri. Saya rasa parti politik tidak perlu mengajar dan mengarahkan macam mana mahu melantik ahli politik.

“Ini bukan soal kuota, jangan jadikan kuota alasan untuk menidakkan kuasa Perdana Menteri,” katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas keputusan BERSATU yang menggesa jawatan Menteri Industri Perladangan dan Komoditi diberikan kepada parti itu.

Kelmarin, Muhyiddin menyatakan beliau sudah berhubung dengan Perdana Menteri untuk membincangkan kedudukan Zuraida dalam Kabinet.

Ahli Parlimen Pagoh itu berpandangan Menteri Industri Perladangan dan Komoditi berkenaan perlu diganti kerana ia adalah kuota parti itu.

Haniza yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Lembah Jaya berkata, PBM berpandangan jawatan Zuraida itu perlu dikhaskan dengan mengambil kira prestasinya sepanjang memegang jawatan.

Katanya, selama berkhidmat, Zuraida cemerlang dan menjalankan tugas dengan baik serta mendapat pujian sektor komoditi dan perladangan tempatan.

“Industri mungkin akan terkilan jika Zuraida digugurkan kerana sepanjang berkhidmat beliau berjaya meningkatkan semula nilai komoditi. Justeru, beliau perlu diberi peluang untuk kekal sebagai menteri.

“Ini bukan soal kuota, mengekalkan jawatan Zuraida lagi bagus kerana beliau dapat meneruskan kerja dan buat perkara yang baik untuk negara ini.

“Kita dalam fasa memulihkan ekonomi dan menstabil kedudukan negara. Jika berlaku pertukaran menteri, ia dikhawatiri beri kesan keyakinan kepada pelabur,” katanya

Ditanya sama ada PBM akan menuntut perkara sama, katanya PBM bukan parti yang mahu mengajar Perdana Menteri membuat kerja.

“Saya rasa kita tidak perlu mengajar Perdana Menteri, walaupun cukup ramai orang memberi pandangan dan cadangan.

“Biarkan Perdana Menteri menggunakan kebijaksanaan dan membuat keputusan. Saya yakin Perdana Menteri mampu menangani perkara ini dan membuat keputusan yang bijak,” katanya.

“Itu hak prerogatif Perdana Menteri. Saya rasa parti politik tidak perlu mengajar dan mengarahkan macam mana mahu melantik ahli politik. Ini bukan soal kuota, jangan jadikan kuota alasan menidakkan kuasa PM”

Haniza Mohamed Talha,
Timbalan Presiden PBM

